

Kerajaan belum terima surat rasmi daripada pembangkang

BTM 27 JUL 1990

Ⓟ

KUALA LUMPUR 26 Julai — Kerajaan masih belum menerima sebarang surat rasmi daripada parti-parti pembangkang berhubung dengan persetujuan untuk memanggil satu pasukan pemerhati pilihanraya daripada Komanwel.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, setakat ini beliau cuma berpeluang bertemu dengan Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang sahaja mengenai perkara itu.

"Saya dalam proses untuk bertanya semua parti politik mengenai cadangan itu apabila negara menerima kunjungan dua orang wakil dari Sekretariat Komanwel minggu lalu," kata Dato' Sri Dr. Mahathir.

Menyatakan demikian kepada para pemberita selepas merasmikan Simposium Kebangsaan Usahawan Wanita di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini pagi ini, Perdana Menteri menambah oleh kerana itu beliau mengalu-alukan sebarang persetujuan daripada pembangkang un-

tuk menerima pemerhati luar tersebut.

Dato' Sri Dr. Mahathir tidak pula memberitahu apakah langkah kerajaan jika pihak pembangkang tidak bersetuju dengan pemerhati Komanwel itu.

Semalam beliau memberitahu para wartawan bahawa kabinet telah mengambil keputusan meneruskan cadangannya untuk menjemput pemerhati Komanwel dalam pilihanraya umum akan datang.

Bagaimanapun Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan bahawa mereka akan ke sini semata-mata sebagai pemerhati dan bukan sebagai satu pasukan penyiasat.

Beliau juga menegaskan pemerhati Komanwel itu akan datang atas bidang tugas yang ditentukan oleh kerajaan, bukan oleh mereka sendiri atau seperti yang dikehendaki kumpulan Pengesanan Pilihanraya pimpinan Tun Mohamed Suffian Hashim.